

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail kami : P.Kw.N./N.S.(349) 454/3-1 Klt.17 (17)
Tarikh : 7 Syawal 1440H
H Jun 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENURUNAN KUASA PELANTIKAN PERKHIDMATAN PERUNDING
KEPADA PEGAWAI PENGAWAL DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YB Dato'/ YBhg Dato'/ Tuan/ Puan, selaras dengan pendekatan *Let Managers Manage* yang memperuntukkan bidang kuasa tertentu kepada Pegawai Pengawal di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, saya selaku Pegawai Kewangan Negeri dengan ini **bersetuju** untuk melaksanakan **penurunan kuasa kepada semua Pegawai Pengawal** bagi Pelantikan Perkhidmatan Perunding dengan had nilai sehingga **RM200,000.00** sahaja. Pelantikan perunding yang melebihi nilai tersebut perlu diluluskan dalam Lembaga Perolehan Negeri. Penurunan kuasa ini berkuatkuasa pada tarikh ianya ditandatangani sehingga 31 Disember 2019.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia P.K 3.1 – Perolehan Perkhidmatan Perunding yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD KHIDIR BIN MAJID)

Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus